Himpunan Status

facebook

91 Faedah Hadith

Fathi al-Sakandary

بسم الله الرحمن الرحيم

ansarul-hadis.blogspot.com

Ramadhan 1432H / Ogos 2011M

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Sesungguhnya pujian itu bagi Allah. Kita memuji-Nya, kita memohon kepada-Nya dan kita meminta ampun kepada-Nya. Kita memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahatan diri kita dan keburukan amal perbuatan kita. Barangsiapa yang diberikan petunjuk oleh Allah, maka dia tidak akan menjadi sesat. Barangsiapa yang Dia sesatkan, maka tidak ada pemberi petunjuk untuknya. Saya bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah yang Maha Esa. Dan bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan utusan-Nya.

إِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ

Sesungguhnya perkataan yang paling benar adalah kitabullah. Dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad SAW. *Dan seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan. Dan semua yang diada-adakan adalah bid'ah. Dan semua bid'ah adalah sesat. Dan semua kesesatan adalah di dalam neraka.* - Hadith riwayat Imam Al-Nasa'i dalam *Sunan*nya, *Kitab Solat Al-'Idain*, no. 1560.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قال أبو إسماعيل محمد فتحي بن علي بن إبراهيم

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ كمـــا قال الرسول صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Berkata Abu Ismaaeel Muhammad Fathi bin `Ali bin Ibrahim,

Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu, sebagaimana sabda Rasul SAW.

Atas cadangan beberapa sahabat yang meminta saya menghimpunkan faedah-faedah yang saya catatkan dalam status Facebook berkaitan hadith dalam satu ruangan yang khas, maka saya himpunkan di sini tulisan saya dalam **status Facebook** berkaitan Mustolah Hadith dan Ilmu berkaitan dengannya sejak hari pertama saya membuka akaun Facebook sehingga ke hari ini. Dan ini adalah arkib pertama, himpunan dari **18 April 2011M hingga 19 Ogos 2011M / 19 Ramadhan 1432H**. Moga bermanfaat walau dengan manfaat yang sedikit.

1- **Sakatu `anhu (diam akannya) :** Disifatkan kepada seseorang rawi, jika seseorang nuqqad jarh dan ta`dil diamkan pada seseorang rawi, itu bermaksud jarh, bahkan diamnya Imam al-Bukhari untuk seseorang rawi bermaksud perawi itu ditinggalkan sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Zahabi dalam al-Muqizoh.

2- **Ruwiya :** Menurut Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith Dr. Abul Laits (pensyarah UIA, Fakulti al-Qur'an & Sunnah, Malaysia), istilah ini tidak semestinya bermaksud sighah tamridh di sisi Mutaqaddimin dan ia tidak semestinya digunakan sebagai isyarat dha`if di sisi Mutaqaddimin, berbeza dengan Mutaakhkhirin ia menunjukkan sighah tamridh dan ia adalah isyarat dha`if sesuatu hadith, rujuk: Mu`jam Musthalahat Al-Hadith, Dr. Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, hal. 69.

3- **Doa berbuka puasa :** Tiada doa khusus yang sahih. Kesemua riwayat yang datang dalam hal ini sama ada lafaz (Allahumma laka sumtu) atau (Zhahaba al-Zhama'u) kesemuanya tidak terlepas daripada kecacatan. Boleh saja beramal dengan mana-mana doa berbuka yang dha`if – tanpa ithbat – atau dengan apa-apa jua doa yang dikehendaki. Doa (Zhahaba al-Zhama'u) ia boleh dibaca sama ada sebelum berbuka atau selepas berbuka. Difahami daripada zahir kenyataan perawi hadith itu sendiri dan tabwib Imam Abu Daud bahawa ia dibaca sebelum berbuka.

4- **Isnadnya Sahih :** Apabila seseorang ahli hadith menyatakan 'isnadnya sahih', maka secara umumnya ia adalah hukuman kepada zahir isnad hadith tersebut, belum tentu hadith itu sahih di sisinya. Umpamanya, Imam al-Haithami berkata dalam Majma` al-Zawa'id "rijalnya rijal al-sahih", ia adalah hukuman isnad dan belum tentu hadith itu pasti sahih di sisi al-Haithami. Mungkin rijalnya adalah rijal al-sahih tetapi isnadnya putus, atau terdapat padanya kesilapan, dan lain-lain kecacatan tersembunyi.

5- **Berhati-hati dalam takhrij #1**: Usah bertaqlid kepada sumber sekunder atau tertier, sebaliknya rujuklah kepada kitab asal dalam bahasa Arab. Kesilapan takhrij yang kelihatan kecil memberi implikasi besar, contohnya terjemahan hadith "Pada kamu semua wanita jihad yang tiada perang dalamnya, iaitu haji dan umrah" dan hadith "meletak tangan kanan dan kiri di dadanya" kemudian ditulis HR al-Bukhari. Ini adalah satu kesilapan walhal lafaz "umrah" dan "dada" tiada dalam al-Bukhari! al-Bukhari telah memilih lafaz hadith yang betul (mahfuz) dan meninggalkan yang silap (munkar, khata', waham), setiap lafaz yang ditinggalkan adalah lafaz yang silap dan ia dha`if.

6- **"Isnadnya Soleh" di sisi al-Daraquthni :** Apabila Imam al-Daraquthni berkata untuk sesuatu hadith dalam Sunannya dengan "Isnadnya Soleh", maka Soleh yang dimaksudkan adalah Soleh lil-`Itibar dan bukan Soleh lil-Ihtijaj. Ini terbukti dengan kajian para ulama terhadap hadith-hadith yang dinyatakan al-Daraquthni sebagai "Isnadnya Soleh" ternyata mengandungi kelemahan, bahkan dalam beberapa kes Imam al-Daraquthni sendiri yang mendha`ifkan perawi hadith tersebut.

7- **Al-Mujtaba lil-Nasa'i :** Para ulama berbeza pendapat berkenaan penulis al-Mujtaba, adakah ia susunan Imam al-Nasa'i sendiri? atau anak muridnya Ibn Sunni? Yang rajih ia adalah susunan al-Nasa'i sendiri dan Ibn Sunni adalah satu-satunya yang meriwayatkan kitab ini daripada Imam al-Nasa'i. Hujah bagi pendapat ini banyak dan sangat kuat. Semua hadith dalam al-Mujtaba' adalah sahih secara umumnya di sisi Imam al-Nasa'i kecuali hadith-hadith yang dicacatkan oleh al-Nasa'i sendiri sama ada secara jelas ataupun tersembunyi.

8- **Berhati-hati dalam takhrij #2 :** Selain wajib merujuk kitab-kitab asal dalam bahasa Arab, perlu juga seseorang memahami manhaj asas penulis kitab. Contohnya hadith: "Sesiapa yang berbuka puasa sehari dalam Ramadan dengan tiada keuzuran dan tidak sakit, tidak akan dapat menggantikannya dengan puasa sepanjang tahun", kemudian ditulis takhrij: HR al-Bukhari, ini berdusta kepada Nabi SAW kerana orang awam akan menganggap

ia hadith sahih, walhal hadith ini dha`if, al-Bukhari masukkan secara mu`allaq, bahkan dengan sighah tamridh.

9- **Hadith Syadz :** Merupakan daripada jenis hadith yang mardud (tertolak), digunakan oleh ahli hadith terkemudian (al-Mutaakhkhirin) untuk hadith yang diriwayatkan oleh perawi thiqah yang mukhalafah (menyalahi) apa yang diriwayatkan oleh mereka yang lebih thiqah, atau jamaah thiqat. Manakala di sisi ahli hadith awal (al-Mutaqaddimin) ia digunakan untuk merujuk kepada hadith-hadith yang padanya terdapat kesilapan tanpa mengira sama ada perawi itu thiqah atau dha`if, dengan mukhalafah atau tidak, dengan tafarrud atau tidak, dan penggunaannya sama dengan istilah Munkar.

10- **Hadith Munkar :** Merupakan daripada jenis hadith yang mardud (tertolak), digunakan oleh ahli hadith terkemudian (al-Mutaakhkhirin) untuk hadith yang diriwayatkan oleh perawi dha`if yang mukhalafah (menyalahi) apa yang diriwayatkan oleh mereka yang thiqat. Manakala di sisi ahli hadith awal (al-Mutaqaddimin) ia digunakan merujuk kepada hadith-hadith yang padanya terdapat kesilapan tidak mengira sama ada perawi itu thiqah atau dha`if, tidak mengira sama ada dengan mukhalafah atau tidak, dengan tafarrud atau tidak, dan penggunaannya sama dengan istilah Syaz.

11- **Al-Usul :** Hadith-hadith yang dikeluarkan oleh seseorang Muhaddith dalam kitabnya sebagai hadith yang utama, bukan untuk hadith-hadith yang dijadikan syahid atau mutaba`at. Istilah ini kebiasannya digunakan untuk merujuk kepada hadith-hadith al-Bukhari & Muslim dalam kitab Sahih mereka yang kebiasaan disebut pada permulaan bab dengan isnad sahih, tiada pertikaian padanya, kemudian dimasukkan selepasnya hadith-hadith lain sebagai syahid atau mutaba`at yang mana sebahagiannya mempunyai kelemahan.

12- **(Syaitan di antara Syaitan-Syaitan) atau (Dajjal di antara Dajjal-Dajjal) :** Apabila para Imam Nuqqad hadith berkata sebegini kepada seseorang perawi, ia adalah antara tahap jarh (kritikan) yang tertinggi.

13- **Hadith (JazakalLahu khairan) :** Hadith ini dha`if tetapi boleh beramal dengannya. Tiada dalil yang mengkhususkan untuk seseorang itu menjawab (wa iyyak) untuk balasan ucapan (JazakalLahu khairan), maka jangan dikhususkan seolah-olah itu saja cara menjawabnya. Boleh saja mennjawab dengan pelbagai variasi, seperti (amin, wa anta aidhan) dan lain-lain jawapan balas yang baik.

14- **Hadith tentang menjamah makanan ketika azan subuh semasa bersahur :** Tiada hadis yang sahih tentang menjamah makanan ketika azan Subuh iaitu semasa sedang bersahur. Kesemua riwayat yang datang dalam hal ini tidak terlepas daripada kelemahan padanya, bahkan zahir matannya adalah munkar dan bercanggah dengan ayat al-Qur'an. Sekiranya isnad hadith-hadith itu sahih sekalipun, maka azan yang dimaksudkan dalam hadith itu adalah azan pertama sebelum Subuh dan bukannya azan masuknya waktu Subuh. Justeru, tidak terdapat percanggahan antara matan hadith dengan ayat al-Qur'an.

15- **Al-Muharddisk :** (English: *hard disk*) Dinisbahkan kepada perisian yang bertindak sebagai pemudah cara untuk mentakhrij hadith dan menilai darjat perawi hadith, dan apa-apa yang berkaitan ilmu hadith, baik yang sederhana rumit, atau yang mudah. Ilmunya terhad bergantung kepada data yang tersimpan padanya. Contoh al-Muharddisk ialah al-Maktabah al-Shamelah dan Ensiklopedi Hadits Kitab Sembilan Imam.

16- **Al-Mutawatir :** Hadis mutawatir, iaitu setiap hadith yang sahih sanadnya, baik sedikit atau banyak jalurnya, diterima pakai oleh para ulama hadith, dan para fuqaha beramal dengannya dalam fiqh. Ta`rif ini adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, dan ia adalah satu-satunya ta`rif berkenaan al-Mutawatir daripada para huffaz Salaf yang saya ketahui. Adapun ta`rif al-Mutawatir sebagaimana yang difahami sebagai hadith yang diriwayatkan dengan banyak jalur hingga mustahil perawi-perawinya berdusta tidak dikenali oleh para huffaz Salaf bahkan ia adalah ciptaan dan resapan ahli kalam dan muktazilah dalam ilmu hadith.

17- **Al-Marfu` :** Hadith marfu`, iaitu apa-apa yang disandarkan kepada Nabi SAW baik dari segi percakapannya, perbuatannya, sifatnya, persetujuannya (taqrir), baik dengan jalur yang putus atau bersambung, baik dengan sahih atau dha`if isnadnya.

18- **Al-Soleh :** Jika dinisbahkan kepada hadith, maka terdapat 2 keadaan: Soleh lil-Ihtijaj yang mencakupi hadith-hadith yang Sahih dan Hasan (iaitu Hasan mengikut istilah al-Mutaakhkhirin), dan Soleh lil-I`tibar yang mencakupi hadith-hadith dha`if dengan dha`if yang ringan, dan beramal dengannya dalam Fadha'il.

19- **"Syarat al-Bukhari & Muslim", atau "Syarat al-Syaikhan" :** Biasanya digunakan oleh ahli hadith terkemudian. Ia bermaksud pada isnad hadith itu para perawinya adalah perawi-perawi untuk hadith-hadith al-Bukhari dan Muslim dalam kitab 'Sahih' mereka untuk hadith-hadith yang usul, dan bukannya untuk hadith-hadith yang dijadikan mutaba`at atau syawahid.

20- **Qunut Witir :** Berkata Abu Ismaaeel Fathi al-Tabib al-Sakandary: Berqunut witir tidak thabit daripada Nabi SAW dalam hadith yang marfu` namun ia thabit daripada amalan sebahagian sahabat. Masjid di kawasan rumah saya di Mesir berqunut witir sejak malam 1 Ramadhan 1432H sesuai dengan amalan sebahagian sahabat, dan saya turut berqunut, tetapi saya tidak mengangkat tangan kerana tiada hadith yang sahih dalam perihal mengangkat tangan ketika qunut witir. Walau bagaimanapun, saya tidak menegah mereka yang mengangkat tangan kerana sesetengah fuqaha' membolehkannya.

21- **Tips takhrij ringkas secara tersusun :** Susun tempat keluar hadith berdasarkan tarikh wafat periwayat, contoh jika kita menjumpai hadith itu diriwayatkan oleh al-Bukhari (256H), al-Tirmizi (279H), Ahmad (241H), al-Nasa'i (303H). Maka susunlah begini: "Dikeluarkan oleh Ahmad (no. XX), al-Bukhari (no. XX), al-Tirmizi (no. XX), al-Nasa'i (no. XX)".

22- **Soleh al-Hadith :** Jika digunakan untuk perawi, ia adalah lafaz ta`dil di kalangan ramai huffaz dan nuqqad hadith. Walau bagaimanapun, di sisi Abu Hatim, lafaz ini ia digunakan dengan maksud tajrih, iaitu perawi itu tidak dibuat hujah padanya, akan tetapi hadithnya ditulis dan dilihat jika boleh dibuat penguat, iaitu bukan Soleh lil-Ihtijaj.

23- **Al-Hadith al-Musnad :** Satu hadith yang bersambung isnadnya secara marfu` kepada Nabi SAW. Oleh sebab itu Imamain al-Bukhari dan Muslim menamakan kitab mereka dengan (al-Jami` al-Musnad) kerana ia adalah himpunan hadith-hadith yang bersambung dan marfu` (iaitu al-Musnad), dan ia disusun mengikut bab `aqidah, fiqh, adab, akhlaq, al-zuhd, al-raqa'iq, fadha'il, manaqib, mu`amalat, syama'il, tarikh, tafsir, fitan dan lain-lain (iaitu al-Jami`).

24- **Al-Imam Ibn Abi Hatim :** Namanya penuhnya Abu Muhammad `Abdulrahman bin Muhammad bin Idris bin al-Munzir al-Tamimi al-Razi. Antara karya beliau yang terkenal ialah al-Jarh wal-Ta`dil, al-Tafsir, `Ilal al-Hadith dan lain-lain. Beliau lahir pada 240H dan wafat pada 327H.

25- **Muhammad bin Idris :** Terdapat dua insan bernama Muhammad bin Idris yang saya kagumi, iaitu Muhammad bin Idris al-Syaf`i (Imam al-Syafi`i) dan Muhammd bin Idris al-Razi (Imam Abu Hatim al-Razi). Kedua-duanya adalah ahli hadith dan ahli fiqh. Seorangnya lebih pakar fiqh bahkan dikatakan pengasas ilmu usul fiqh secara sistematik serta merupakan salah seorang daripada imam mazhab yang empat, manakala seorang lagi lebih pakar hadith bahkan menguasai `Ilal al-Hadith (ilmu kecacatan tersembunyi bagi hadith), merupakan Amirulmu'minin fil Hadith, semoga Allah merahmati mereka berdua.

26- **Sariqah al-Hadith :** 'Curi Hadith', di mana katakan seorang rawi A itu menyendiri akan sesuatu hadith A daripada seorang syaikh A, kemudian datang rawi B (si pencuri) yang mendakwa kononnya dia juga mendengar hadith A daripada syaikh A, atau si pencuri mengambil satu hadith mencantumkan dengan sanad lain

yg sahih, maka berhati-hati lah jika huffaz salaf telah berkata 'Hadith ini Gharib, tiada jalan lain melainkan ini', kemudian kita pada zaman mutaakhir menjumpai jalan baru yang muncul kerana kemungkinan besar jalur yang kita jumpa itu adalah hadith si pencuri!

27- **Kitab Sunan oleh Imam al-Daraquthni:** Kitab ini adalah lebih mirip kepada uslub kitab `Ilal hadith. Beliau menyusun kitab Sunan untuk menyatakan ghara'ib al-sunan, bahkan tidak sedikit hadith dalamnya yang turut diberi komentar berkenaan `ilal hadith. Beliau adalah antara huffaz yang pakar `ilal, hingga beliau memberi komentar Jarh dan Ta`dil kepada perawi sebanyak lebih 357 rawi dalam kitab Sunannya saja, dan memberi komentar keadaan isnad dan darjat hadith sebanyak lebih 125 hadith dalam Sunannya saja. Kadang-kadang beliau memberi komentar `illah kepada hadithnya dengan jelas semisal 'isnadnya dha`if' atau 'hadith dha`if' dan kadang-kadang memberi komentar kepada rawi hadith itu yang dha`if. Kadangkala pula al-Daraquthni diam untuk sesuatu hadith kerana pada tempat yang lain beliau telah memberi komen tentang perawi dalam isnad hadith itu. Kadangkala pula beliau diam kerana beliau telah memberi komen dalam kitab beliau yang lain semisal al-`Ilal. Kadang-kadang beliau tidak menyebut `illah hadith itu secara jelas tetapi membawakan riwayat-riwayat yang menjelaskan `illah hadith itu. Kadang-kadang pula beliau menyebutkan hadith-hadith yang dha`if tetapi tidak menjelaskan dha`ifnya kerana telah sedia diketahui akan huffaz umumnya akan lemahnya, dan lain-lain cara uslub kitab `ilal al-hadith.

28- **Al-Syaikh al-Imam al-Hujjah, Amirulmu'minin Fil Hadith, Abul Hasan `Ali bin `Abdullah al-Madini (234H)** : Beliau antara guru utama Imam al-Bukhari. Nisbah beliau kepada al-Madini adalah untuk kota Madinah, kota asalnya Imam `Ali ibn al-Madini [Rujuk: Muqaddimah Syarah kitab `Ilal al-Hadith wa Ma`rifatu al-Rijal lil Imam al-Hujjah Abi al-Hasan `Ali ibn al-Madini, Mazin bin Muhammad al-Sirsawiy, hal. 16, Dar Ibn Jauzi]

29- **Periwayatan perawi wanita yang majhul :** Berkata Abu Ismaaeel Fathi al-Tabib al-Sakandary: Para huffaz salaf menerima periwayatan yang majhul dengan syarat-syarat tertentu, apatah lagi jika yang majhul itu wanita. Saya tersenyum membaca ta`liq seorang syaikh kepada Imam Abu Hatim kerana syaikh itu hairan kenapa Imam Abu Hatim mensahihkan hadith itu walaupun padanya terdapat perawi wanita yang majhul. Saya katakan: Para huffaz salaf menerima periwayatan yang majhul dengan syarat-syarat, apatah lagi jika yang majhul itu wanita, kerana tiada seorang wanita pun yang riwayatnya tertolak. Ketahuilah penilaian hadith ini bukanlah semudah A, B, C, atau formula matematik "asal majhul automatik dha`if, asal rawi thiqah pasti sahih". Bukan begitu!

30- **Hadith yang bermaksud 'Jangan ditulis apa-apa daripadaku melainkan al-Qur'an' :** Hadith ini dha`if, tidak sahih akan marfu`nya kepada Nabi SAW, didha`ifkan oleh al-Bukhari, Abu Daud dan lain-lain. Kata Abu Daud: Hadith ini Munkar [rujuk: Tuhfah al-Asyraf, 3/390]. Al-Bukhari meng`ilalkan hadith ini sebagaimana nukilan Ibn Hajar [rujuk: al-Fath, 1/275]. Turut juga mengilalkan hadith ini ialah al-Khatib al-Baghdadi [rujuk: Taqyid al-`Ilm, 31-32]. Yang mahfuz adalah ia mauquf kepada Abi Sa`id sebagai kata-kata Abi Sa`id sahaja dan ia bukan kata-kata Nabi. Maka larangan ini bukanlah daripada Nabi, ia hanya kata-kata Abi Sa`id al-Khudri, itupun sekiranya ia sahih kepadanya.

31- **Hadith Nu`aim bin Hammad berkenaan suara keras dan malapetaka pada bulan Ramadhan :** Hadis ini adalah hadith batil yang paling popular abad ke-21 ini. Ia amat popular dalam blog-blog, dan sering ditanya penuntut ilmu akan kesahihannya. Ketahuilah bahawa hadith ini batil, tidak thabit daripada Nabi SAW.

32- **Hadith berbuka puasa dengan rutab:** Dha`if, bahkan munkar. Diingkari oleh Imamain Abu Hatim dan Abu Zur`ah. Yang sahih dan terpelihara (mahfuz) ialah yang menyebut tamar tanpa lafaz rutab. Hadis ini disahihkan oleh Imam Abu Hatim, al-Tirmizi dan lain-lain huffaz salaf. Adapun lafaz rutab tidak terpelihara. Walau bagaimanapun, rutab atau tamar itu sama, jika kering ia

dinamakan tamar, jika basah ia dinamakan rutab. Maka jika berbuka dengan rutab sekalipun, ia juga sunnah kerana termasuk dalam keumuman hadith tamar. Jika tiada tamar atau rutab maka beberapa teguk air.

33- **Allah al-Musta`an :** Apabila seseorang nuqqad hadith berkata (Allah al-Musta`an) dalam menilai seseorang perawi, maka ketahuilah bahawa ia adalah satu bentuk jarh kepada perawi itu.

34- **Imam al-Bukhari seorang businessman :** Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari adalah penjaga wahyu yang juga merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya. Setiap wang hasil perniagaannya dan pelaburannya digunakan untuk mencari ilmu. Kemampuan ekonomi Imam al-Bukhari adalah disebabkan banyaknya harta benda yang diwariskan oleh ayahnya Imam Muhammad bin Ibrahim (yang juga ahli hadith yang berjaya dalam perniagaan). Dan harta tersebut al-Bukhari berikan kepada para pedagang dengan sistem mudharabah. Begitu juga dengan isi tanah yang dimilikinya, juga disewakannya. Dengan menyewakan dan meminjamkan hartanya dengan sistem mudharabah, maka tentunya menghasilkan banyak harta untuk dirinya dan keluarga sehingga tidak lagi disibukkan mencari penghasilan. Hal inilah yang menampung ekonomi keluarga Imam al-Bukhari termasuk yang dapat membiayai seluruh keperluannya dalam menuntut ilmu dan perjalanan rehlah hadithnya. Rujuk Tarjamah al-Bukhari, Abdussattar Al-Syaikh, hlm. 153-154.

35- **Tiga al-Albani :** Terdapat tiga al-Albani yang hebat dan amat aku kagumi pada zaman ini iaitu Muhammad Nasiruddin al-Albani (rahimahulLah), Syu`aib al-Albani (hafizahulLah), serta `Abdul Qadir al-Albani (rahimahulLah). Nama gelaran 'al-Albani' dan 'al-Arnaouth' adalah sama maksudnya. Ia adalah nisbah untuk mereka yang dilahirkan dan berasal dari Albania (juga disebut Kosovo, Kosova). Boleh saja menyebut Muhammad Nasiruddin al-Albani atau al-Arnaout (rahimahulLah) dan Syu`aib al-Arnaout atau al-Albani (hafizahulLah), `Abdul Qadir al-Arnaouth atau al-Albani (rahimahulLah). Ini adalah daripada segi penggunaan istilah, adapun daripada segi penggunaan realiti, Syaikh Muhammad

Nasiruddin telah memilih laqab (al-Albani) manakala Syaikh Syu`aib dan Syaikh `Abdul Qadir kedua-duanya telah memilih laqab (al-Arnaout). Justeru, dalam amali realiti, sekiranya ditulis dalam sesuatu kitab atau disebut secara umum sebagai Syaikh al-Albani maka ia merujuk kepada Syaikh Muhammad Nasiruddin, manakala jika ditulis Syaikh al-Arnaout secara umum ia merujuk kepada Syaikh Syu`aib al-Arnaouth, dan untuk Syaikh `Abdul Qadir kebiasaannya akan ditulis penuh Syaikh `Abdul Qadir al-Arnaouth.

36- **Ilmu Tarikh dan Hadith :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith Dr. Basyar Awwad Ma`ruf (hafizahulLah): Ilmu tarikh adalah ilmu yang membantu memahami hadith Nabi SAW.

37 - **Kitab al-`Ilal karya Imam Muslim :** Ketahuilah bahawa Imam Muslim adalah antara huffaz yang pakar `ilal hadith, bahkan Imam Muslim ada menyusun kitab `ilal, namanya al-`Ilal.

38- **Kitab al-`Ilal karya Imam `Ali ibn al-Madini :** Al-Imam al-Hujjah Amirulmu'minin fil Hadith `Ali ibn al-Madini sangat banyak kitab berkaitan ilmu `Ilal hadith. Antara kitab-kitab `ilal beliau sebagaimana yang dinyatakan oleh Syaikh al-Muhaddith Dr. Mahir Yasin al-Fahl ialah: al-`Ilal al-Kabir, `Ilal al-Musnad, `Ilal Hadith Ibn `Uyainah, al-`Ilal, `Ilal al-Mutafariqah, al-`Ilal, al-Ahadith al-Mu`allat, `Ilal al-Hadith.

39- **Kitab Al-`Ilal :** Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan Imam Ibn Majah masing-masing mempunyai kitab `ilal mereka yang tersendiri yang bernama al-`Ilal, sebagaimana yang dinyatakan oleh Syaikh al-Muhaddith Dr. Mahir Yasin al-Fahl.

40- **Manhaj Imam Ahmad dalam Musnad :** Imam Ahmad memasukkan hadith-hadith dalam kitab Musnad apa yang masyhur daripada hadith-hadith Nabi SAW, bukan bermaksud setiap yang dimasukkan adalah apa yang sahih di sisinya. Bahkan di sana terdapat sangat banyak hadith-hadith dalam Musnad Ahmad yang Imam Ahmad sendiri dha`ifkan.

41- **Berkata Dr. `Ali al-Sayyah dalam kitabnya al-Manhaj al-Salim fi Dirasah al-Hadith al-Mu`all** (Metod Yang Sejahtera dalam Kajian Hadith Yang Cacat): " اتباعُ الأئمةِ المتقدمين في تعليلهم للأخبار، وعدم التسرع في الرد عليهم، وهذا من باب الاتباع المحمود لا التقليد المذموم.

"Berittiba` kepada para a'immah al-mutaqaddimin dalam ta`lil (kritik hadith) mereka akan sesuatu hadith, dan tidak gopoh menolak mereka, ini adalah daripada bab ittiba` yang terpuji dan bukannya suatu taqlid yang tercela".

42- **Hadith Nasihat Sultan Secara Sembunyi :** Hadith yang maksudnya berbunyi "Barangsiapa yang ingin menasihati penguasa (sultan) dengan suatu perkara, maka janganlah paparkan di khalayak ramai, tetapi hendaklah mengambil tangan penguasa (sultan) dengan empat mata. Jika dia menerima, maka itulah (yang diinginkan) dan kalau tidak, maka sungguh dia menyampaikan nasihat kepadanya. Dosa bagi dia dan pahala baginya (orang yang menasihati)." Hadith ini dha`if, padanya beberapa jalur yang kesemuanya tidak terlepas daripada kecacatan. Jalur pertama putus padanya Syuraih yang tidak mendengar daripada Iyadh, jalur kedua padanya Muhammad bin Ismail yang dha`if ditambah isnadnya putus kerana tidak mendengarnya Muhammad bin Ismail daripada ayahnya, mahupun jalur yang mengikutinya padanya `Abdulwahhab yang mendustakan hadith, jalur ketiga padanya Ibn Razzaq yang dha`if muttaham, dan Amru bin al-Harith dan Fudhail juga lemah, dan mutaba`ah `Abd al-Humaid bin Ibrahim adalah silap, silap memasukkan hadith dalam hadith Ibn Razzaq, maka jalur pertama putus, jalur kedua ketiga dha`if syadid dan tidak dapat menguatkan sebagaimana yang maklum dalam ilmu kajian hadith.

43- **Fiqh Qunut Subuh :** Berkata Imam al-Tirmizi: قَالَ سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ إِنْ قَنَتَ فِي الْفَجْرِ فَحَسَنٌ وَإِنْ لَمْ يَقْنُتْ فَحَسَنٌ. Berkata Sufyan al-Thauri: "Jika berqunut pada solat subuh, maka itu bagus, dan jika tidak berqunut itu juga bagus." (Lihat Jami` al-Tirmizi, komentar hadith no. 401)

44- **Hadith Munkar itu kekal Munkar :** Berkata Imam Ahmad bin Hanbal: الحديث عن الضعفاء قد يحتاج إليه في وقت، والمنكر أبدًا منكر "Hadith daripada mereka yang dha`if-dha`if dibuat hujah dengannya dalam beberapa keadaan, adapun hadith munkar itu kekal munkar selama-lamanya" [rujuk: al-`Ilal lil-Marwazi (hal. 287), dan juga Masa'il Ahmad oleh Ibn Hani' - murid Ahmad bin Hanbal- (no. 1925, 1926)]. Ini adalah satu kaedah yang penting daripada Imam Ahmad bin Hanbal. Maksudnya, hadith yang diriwayatkan oleh perawi dha`if boleh dibuat hujah dalam fiqh apabila disokong oleh beberapa qara'in tertentu seperti amalan sahabat, atau hadith daripada perawi yang dha`if itu sahih - disebabkan beberapa qara'in-qara'in tertentu yang menunjukkan hadith daripada perawi yang dha`if itu sahih secara khusus -, atau ia dikuatkan sehingga menjadi sahih atau hasan dengan jalur syawahid atau mutaba`at mengikut qara'in yang tertentu -. Manakala hadith Munkar kekal Munkar dan tidak akan selama-lamanya dapat dikuatkan, kerana hadith yang Munkar itu adalah hadith yang padanya berlaku kesilapan. Dan sesuatu yang silap itu tidak mungkin dapat dibaiki. Hadith yang Munkar akan kekal Munkar selama-lamanya.

45- **Pendapat Yang Menolak Hadith Dha`if Secara Mutlak :** Yang rajih, pendapat sesetengah mereka yang mengatakan bahawa hadith-hadith dha`if tidak boleh dibuat hujah langsung secara mutlak baik sama ada dalam Fadha'il A`mal atau dalam Hukum, pendapat ini fihi nazor (tidak benar, padanya keraguan)! Demikian sebagaimana yang dijelaskan oleh Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi dalam siri pertama kuliah Hadith-Hadith Cacat Thaharah.

46- **Hadith Gerak Jari ketika Tasyahud :** Hadith ini dha`if, padanya terdapat kesilapan. Ia ditolak oleh para huffaz salaf semisal Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ibn Khuzaimah dan lain-lain. Antara ulama hadith masa kini yang turut melemahkan hadith ini ialah Fadhilah al-Syaikh Muqbil Hadi al-Wadi'i dan juga Fadhilah al-Syaikh Muhammad `Abdul Wahhab al-Wasobiy, mereka mengkritik secara ilmiah penilaian Fadhilah al-Syaikh Muhammad Nasiruddin al-Albani yang bagi mereka sangat tasahul dalam mensahihkan riwayat ini.

47- **Beza Istilah 'Tasmiyah' dan 'Basmalah' :** Apabila kita membaca kita-kitab hadith dan fiqh, kita akan menjumpai para ulama' menggunakan istilah Tasmiyah dan Basmalah. Apakah ada beza antara kedua istilah Tasmiyah dan Basmalah ini? Berkata Syaikh al-Muhaddith Sulaiman bin Nasir al-`Ulwan ketika mensyarahkan hadith menyebut nama Allah ketika hendak berwuduhu': "Dan hadith ini dha`if padanya terdapat kesilapan, tetapi dianjurkan untuk beramal kerana ia adalah min babi awla". Beliau menjelaskan bahawa dalam kaedah bahasa Arab dan penggunaan ahli ilmu, apabila disebut ''Tasmiyah'' ia bermaksud ''BismilLah'', namun apabila disebut ''Basmalah'' ia bermaksud 'BismilLah arRahman arRahim'.

48- **Sebutan nama Imam al-Bukhari yang betul :** Bukan Bukhari tetapi yang betulnya al-Bukhari, kerana Bukhari itu bukan namanya. Nama beliau ialah Muhammad bin Ismail dan bukannya Bukhari, gelaran al-Bukhari itu dinisbahkan kepada tempat asalnya dari Bukhara.

49- **Jika dua hadith sahih kelihatan bercanggah :** Jika bertemu dua dalil hadith sahih yang kelihatan bercanggah, maka para fuqaha' telah menggariskan kaedah pertama ialah cuba untuk menjama` (menggabungkan) kedua-dua dalil. Jika ia gagal dijama` maka barulah kaedah tarjih digunakan.

50- **Bacaan Imam adalah bacaan Makmum :** hadith yang bermaksud: "Barangsiapa bersama (iaitu bersolat dengan) imam, maka bacaan imam adalah bacaannya juga". Hadith ini tidak sahih. Kata Amirulmu'minin fil Hadith, al-Imam al-Hujjah Muhammad bin Isma`il al-Bukhari: "Khabar ini tidak thabit di sisi ahli ilmu (iaitu ahli hadith), baik dari kalangan ahli Hijaz, atau ahli Iraq dan lain-lainnya..." [rujuk: Juz al-Qira'at Khalf al-Imam, al-Bukhari, hal. 8]. Bahkan kata al-Hafiz Ibn Hajar: "Padanya - beberapa jalur - di sisi jamaah dan kesemuanya cacat" [rujuk al-Talkhis, 1/569].

51- **al-Hakim sebagai laqab Muhaddith :** Yang benar al-Hakim bukanlah laqab (gelaran) ahli hadith. Mereka yang memasukkannya sebagai gelaran ahli hadith telah tersilap.

52- **Muhammad bin Muyassar :** Berkata al-Imam al-Hujjah Yahya ibn Ma`in berkenaan Muhammad bin Muyassar: "Sepertinya dia ini adalah syaitan dari kalangan syaitan-syaitan" [Tarikh Yahya Ibn Ma`in, no. 3788]. Ini adalah antara jarh yang tertinggi.

53- **Kecacatan Tersembunyi :** Apabila dikatakan bahawa hadith itu mempunyai `illah yang tersembunyi, bermaksud hadith itu sebenarnya dha`if walaupun zahir sanadnya kelihatan sahih. Ingatlah penilaian hadith ini bukanlah hanya semata berdasarkan zahir sanad. Ilmu `ilal (mengenal kecacatan tersembunyi / hidden defect) ini adalah satu ilmu yang amat rumit dalam hadith, dan ia hanya dikuasai oleh para huffaz hadith Salaf.

54- **Hadith Apabila Imam Membaca Maka Diamlah :** Hadith yang bermaksud "Apabila imam membaca, maka diamlah" adalah hadith yang dha`if, lafaz ini tidak terpelihara. Didha`ifkan oleh ramai huffaz hadith semisal Ahmad, Yahya al-Zuhli, al-Bukhari, Muslim, Yahya ibn Ma`in, Abu Daud, al-Daraquthni, Ibn `Adi, Abu `Ali al-Hafiz al-Naisaburi, al-Baihaqi, Ibn Khuzaimah dan lain-lain. Memang benar lafaz tambahan "Apabila imam membaca maka diamlah" ini dikeluarkan oleh Muslim. Namun, sesetengah manusia tersalah faham bahawa Muslim mensahihkan ziyadah (tambahan) ini, walhal yang benarnya ia juga dha`if di sisi Muslim. Berkata Imam Abu Mas`ud al-Dimasyqi: "Apa yang diinginkan oleh Muslim apabila mengeluarkan hadith al-Taimi ini adalah untuk menjelaskan perselisihan padanya dan bukan untuk mengithbatkannya.." [rujuk: al-Ajwibah, 19-160]

55- **Sengaja berdusta Kepada Nabi SAW :** Seseorang yang menyebarkan hadith tanpa dia tahu secara pasti bahawa hadith itu sahih atau dha`if, maka dia termasuk dalam mereka yang sengaja berdusta kepada Nabi SAW. Maka janganlah kamu sebarkan hadith-hadith kecuali setelah kamu telah pasti dahulu darjatnya. Cukuplah

dikatakan seseorang itu berdusta dengan hanya menyebarkan setiap apa yang dia dengar.

56- **Hadith Buat Para Doktor Perubatan :** Hadith berbunyi : مَنْ تَطَبَّبَ وَلَا يُعْلَمُ مِنْهُ طِبٌّ فَهُوَ ضَامِنٌ "Barangsiapa yang menjadi doktor, akan tetapi tidak mempunyai pengetahuan ilmu perubatan yang cukup (iaitu ilmu sebaiknya), maka dia akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa risiko yang akan terjadi". Hadith ini dikeluarkan antaranya oleh Abu Daud, no. 3971. Yang sebenar, hadith ini Mursal, dan Mursal adalah jenis hadith yang Dha`if, namun maknanya benar dan diamalkan fiqhnya.

57- **Asal untuk menyebarkan hadith-hadith Nabi SAW adalah terlarang**, hinggalah mereka yang ingin menyebarkannya itu mengetahui status hadith itu sama ada sahih atau tidak.

58- **Majlis Sima` Hadith :** Daripada `Uthman bin al-Mughirah al-Thaqafi, daripada `Ali bin Rabi`ah al-Walibi, daripada Asma' bin al-Hakam al-Fazari daripada `Ali, dia berkata: Jika saya mendengar sebuah hadith dari Rasulullah SAW, maka Allah SWT memberi saya manfaat daripadanya menurut yang dikehendaki-Nya". Saya (Abu Ismaaeel Fathi) berkata: Beruntunglah mereka yang mendengar hadith-hadith baginda SAW dalam majlis sima` dan sebagainya. Biar siapapun yang membacanya daripada kitab itu di hadapan mereka, pasti padanya mempunyai manfaat sama ada sedar atau tidak.

59- **Hadith `Ali adalah pintu ilmu :** Hadith kononnya Nabi bersabda maksudnya: "Saya adalah kota ilmu, dan `Ali adalah pintunya", kata Imam Yahya Ibn Ma'in (233H): "Hadith ini dusta, tiada padanya asal" dan pada tempat yang lain kata beliau "Hadith tiada asal padanya, dusta" [rujuk: Kitab al-`Ilal wa Ma`rifatu al-Rijal `an Abi Zakariya Yahya bin Ma`in, hal. 61-62, Dar Ibn Hazm, 2000M].

60- **Perawi Humaid al-Thawil :** Seorang yang terkenal sebagai mudallis, suka melakukan tadlis. Imam al-Bukhari meriwayatkan

daripada beliau sebanyak 119 hadith dalam kitab Sahihnya, 42 daripadanya adalah dengan sighah tahdis, manakala 77 adalah dengan `an`anah, dan kesemua hadith ini adalah sahih! [rujuk: Riwayat al-Mudallisin fi Sahih al-Bukhari, hal. 288].

61- **Hadith Bid`ah Hasanah :** Hadith dengan lafaz : كل بدعة ضلالة إلا بدعة في عبادة "Setiap bid`ah itu sesat kecuali bid`ah dalam ibadah", ketahuilah bahawa hadith ini adalah hadith batil, dusta kepada Nabi SAW [rujuk: al-Asrar al-Marfu`ah, Mulla `Ali al-Qari, 268]

62- **Jarh dan Ta`dil telah pupus :** Ia telah tidak diperlukan lagi untuk menilai manusia-manusia yang masih hidup kini. Pemegang panji-panji Jarh dan Ta`dil semuanya telah berada dalam kubur - moga Allah merahmati mereka semua -, sesiapa yang mendakwa bahawa dia memegang panji-panji Jarh dan Ta`dil pada zaman ini, sungguh dia sedang berada dalam kegelapan.

63- **Hadith keringanan solat Jumaat pada hari `Eid :** Menurut guru kami - Syaikhuna al-Muhaddith Ahmad Muhammad Shihatah al-Alfy al-Sakandary, kesemua hadith-hadith berkenaan kelonggaran melakukan solat Jumaat sekiranya `Eid jatuh pada hadith Jumaat kesemuanya adalah dha`if syadid, wahi, dan tidak dapat dikuatkan antara satu sama lain, bahkan kesemua matannya bercanggah dengan usul. Mereka yang menaiktaraf adalah tasahul.

64- **al-Matrukun Fi Sunan al-Tirmizi :** Antara kitab karya guru kami - Syaikhuna al-Muhaddith Abu Muhammad Shihatah al-Alfy al-Sakandary. Syaikhuna telah mensyarahkan kitab ini dalam satu majlis sima` hadith di Masjid Imam al-Bukhari, Iskandariah. Ia merupakan kitab penting yang menghimpunkan nama-nama perawi yang dinilai sebagai matruk yang terdapat dalam kitab Jami` al-Tirmizi. Satu kajian istiqra' yang mantap dan lengkap, insyaAllah. Imam al-Tirmizi memang sedia mengetahui akan hal setiap perawi-perawi ini, dan hadith-hadith mereka telah pun Imam al-Tirmizi dha`ifkan sendiri dalam al-Jami`. Manhaj Imam al-Tirmizi ialah menghimpunkan hadith-hadith yang diamalkan fiqhnya di sisi

fuqaha' Salaf atau sesetengah fuqaha Salaf tanpa mengira sama ada ia sahih atau dha`if.

65- **`Illah Tersembunyi :** Imam Abu Zur`ah pernah ditanya akan satu hadith, beliau menjawab "Ia hadith Munkar". Ditanya lagi adakah beliau mengetahui akan cacatnya (illatnya)? Jawab Abu Zur`ah: "Tidak" [lanjut rujuk: `Ilal al-Hadith, no. 1462].

66- **Penghormatan para huffaz kepada ilmu mengenal kecacatan tersembunyi bagi hadith :** Berkata Imam Abdul Rahman ibn Mahdi (135H-198H): " لأَنْ أعرف علة حديث هو عندي ، أحب إليّ من أنْ أكتب حديثاً ليس عندي "Untuk mengetahui `illat (kecacatan tersembunyi) hadith bagiku lebih aku sukai daripada menulis sebuah hadith yang bukan milikku" [Rujuk: `Ilal al-Hadith, Ibn Abi Hatim, 1/387].

67- **Hadith Min Husni Islam:** Hadith "Min husni Islamil mar'i tarkuhu ma la ya`nih من حسن إسلام المرء تركه ما لا يعنيه "Antara kebaikan untuk agama seseorang itu ialah meninggalkan pekerjaan yang tidak bermanfaat baginya". Menurut Syaikh Dr. `Abdul Karim al-Khudeir (muhaddith, juga anggota Hai'ah Kibar al-Ulama Arab Saudi): Hadith ini yang rajihnya ia mursal, ia dha`if tetapi bukannya dha`if syadid, dan maksudnya benar. Syaikh Dr. `Abdul `Aziz al-Tharifi juga berkata hal yang sama, begitu juga Syaikhuna Abu Muhammad Shihatah al-Alfy al-Sakandary, Syaikh Dr. Mahir Yasin al-Fahl, Syaikh Sulaiman bin Nasir al-`Ulwan dan Syaikh Dr. Basyar Awwad Ma`ruf, serta Syaikh Thariq Iwadullah. Hadith ini didha`ifkan oleh para huffaz salaf semisal al-Bukhari, al-Daraquthni dan lain-lain. Walaupun ia dha`if, namun maksudnya benar dan boleh beramal dengannya tanpa ithbat.

68- **Imam al-Daraquthni :** Beliau ialah seorang hafiz yang pakar `ilal al-hadith, sehingga kitab beliau "Sunan" juga disusun mirip menurut uslub kitab `ilal. Tidak cukup dengan itu, beliau juga menulis sebuah kitab yang khusus berkenaan `Ilal al-hadith yang dikenali sebagai`Ilal al-Daraquthni.

69- **Istilah al-Mutaqaddimin & al-Mutaakhkhirin :** Berkata Dr. Abu al-Laiths: "Al-Mutaqaddimun (dari kalangan ahli hadith) ialah mereka yang berada pada sebelum 300 Hijrah". Dan berkata Dr. Abu al-Laiths lagi: "Al-Mutaakhkhirun (dari kalangan ahli hadith) ialah mereka yang berada pada selepas 300 Hijrah" [Rujuk: Mu`jam Musthalahat al-Hadith, Dr. Abu al-Laiths, Hal. 127, 130, Dar al-Nafaes, Jordan, 2009M] * Dr. Abu al-Laiths adalah antara ahli hadith masa kini, dan merupakan pensyarah Fakulti al-Qur'an & al-Sunnah, Univ. Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

70- **Syaikh :** Disifatkan kepada perawi hadith. Imam Abu Hatim apabila beliau menyatakan seseorang rawi itu sebagai 'syaikh' ia bukanlah bermaksud rawi itu 'thiqah', tapi ia bemaksud ditulis hadithnya untuk dilihat jika kalau-kalau boleh menjadi penguat (lil-i`tibar). Ia bukanlah bermaksud perawi itu 'thiqah' [rujuk: Mu`jam Musthalahat al-Hadith, Dr. Abu al-Laiths, hal. 77]. Kata Imam al-Mizzi: المراد بقولهم "شيخ" أنه لا يترك ولا يحتج بحديثه مستقلاً "Yang diinginkan (iaitu yang dimaksudkan) dengan kata-kata mereka (para nuqqad) dengan 'syaikh' ialah perawi itu tidak ditinggalkan akan hadithnya, dan tidak juga digunakan sebagai hujah dengan sendirinya (iaitu hadith perawi itu tidak berdiri dengan sendiri, tetapi ditulis hadithnya kalau-kalau boleh dibuat penguat)" [rujuk: al-Nukat `ala Ibn al-Solah, 3/434]. Bahkan sesetengah nuqqad terkadang menggunakan lafaz 'syaikh' dengan maksud 'majhul (tidak dikenali)', 'dha`if tetapi bukan dha`if teruk', 'pertengahan antara maqbul (diterima) dan mardud (ditolak)'. [rujuk: Lisan al-Muhaddithin, Muhammad Khalaf Salamah, 3/283].

71- **Nama sebenar Sahih Ibn Hibban :** Adakah hadith-hadith dalam kitab 'Sahih' Imam Ibn Hibban itu pasti secara automatiknya sahih kesemuanya di sisi Ibn Hibban? Jawabnya tidak. Bahkan, sebenarnya Imam Ibn Hibban tidak menamakan kitabnya sebagai 'Sahih'. Nama sebenar kitab beliau sebagaimana yang diberi nama oleh beliau sendiri ialah (al-Anwa` wa al-Taqasim)

72- **Dajjal :** Kata Dr. Abu al-Laiths: "Dajjal ialah antara jarh yang tertinggi dalam lafaz-lafaz jarh" [rujuk: Mu`jam Musthalahat al-Hadith, Dr. Muhammad Abu al-Laiths al-Khair Abadi, hal. 63, Dar al-Nafaes, `Amman, Jordan, 2009M]

73- **Pemisah Mutaqaddimin & Mutaakhkhirin :** Ketahuilah sesungguhnya pembahagian amali kajian hadith kepada mutaqaddimin & mutaakhkhirin bukanlah satu pembahagian yang hanya dilihat dari segi zaman atau tahun. Ia bukanlah rigid begitu, tetapi yang lebih tepat ia adalah pembahagian dari segi manhaj. Imam al-Daraquthni (305H-385H) sebagai contoh walaupun zaman beliau ialah selepas 300H tetapi beliau berdiri dan berjalan atas manhaj mutaqaddimin, satu manhaj yang menggunakan qara'in & murajjihat dalam tashih & ta`lil hadith, bukan hanya semata zahir sanad.

74- **Al-Matan :** Kata-kata yang mengakhiri sesuatu sanad (tujuan sanad). Dengan kata lain "Matan" adalah "lafaz" hadith itu sendiri (lanjut rujuk: al-Dibajah Fi 'Ilm Al-Hadith, Thariq 'Iwadullah, hal. 18)

75- **Al-Hadith :** Perkataan, perbuatan, ketetapan atau sifat yang disandarkan kepada Nabi. Apabila disebut "hadith qauli" ia merujuk kepada perkataan Nabi, "hadith fi'li" merujuk kepada perbuatan Nabi, "hadith taqriri" merujuk kepada ketetapan (persetujuan) Nabi, "hadith wasfi" merujuk kepada sifat Nabi. Terdapat 'ibarat (istilah) lain yang digunakan oleh Ahli Hadith seperti "Al-Athar" dan "Al-Khabar". Sesetengah Ahli Hadith kadangkala membezakan antara "Al-Hadith", "Al-Athar" dan "Al-Khabar". "Al-Hadith" digunakan kepada Nabi, "Al-Athar" digunakan kepada selain Nabi iaitu kepada Sahabat, Tabi'in, dan "Al-Khabar" pula adalah umum dan digunakan untuk kesemuanya. (rujuk: Taqrib 'Ilm Al-Hadith, Tariq 'Iwadullah, hal. 50-51, Mu`jam Istilahat, 'Abdul Mannan Al-Rasikh, hal. 86). Walau bagaimanapun, menurut Dr. Hatim Syarif Al-'Awni, para Ahli Hadith Al-Mutaqaddimin tidak membezakan antara ketiga-tiga istilah ini. Bagi mereka, ia adalah sama. Berkata Abu Ismaaeel Fathi Al-Sakandary: Saya mendengar Dr. Hatim berkata sedemikian ketika mengikuti kuliah Syarh Nukhbah Al-Fikar oleh beliau.

76- **Imam Hamzah Al-Kinani & hadith turun sujud dengan tangan:** Ketika saya sedang menelaah kitab Zawaid Sunan Abu Daud karya Syaikh Dr. `Abdul `Aziz Al-Tharifi, bab "Bagaimana meletakkan lutut sebelum tangan", beliau - Al-Tharifi - ada menukilkan kalam Imam Hamzah Al-Kinani bahawa hadith turunnya sujud dengan tangan dahulu sebelum lutut dari Abu Hurairah itu Munkar. Hadith yang sama turut di`ilalkan oleh Al-Bukhari, Al-Daraquthni, Al-Tirmizi, Ibn `Adi, Al-Baihaqi [rujuk: Zawaid Abu Daud, Dr. Al-Tharifi, hal. 256]. Alhamdulillah, hari ini aku mengenal seorang lagi huffaz Salaf yang aku tidak pernah menjumpai namanya sebelum ini, beliau ialah Imam Hamzah bin Muhammad bin Ali Al-Kinani (275-357H). Berkata Al-Zahabi tentangnya: Beliau adalah orang yang soleh, berpegang teguh pada ajaran agamanya, ahli dalam Ilmu Hadith serta `illatnya, dan beliau adalah Imam dalam bidang ini. [rujuk: komentar (ta`liq) Syaikh Dr. Abdur Razzaq bin Muhsin Al-`Abbad, tahqiq terhadap terhadap kitab Juzul Bithaqah hal. 9, 1412 H, Dar Al-Salam, Riyadh]

77- **Hasan di sisi Mutaqaddimin & Mutaakhkhirin :** Istilah Hasan digunakan oleh imam-imam hadith al-Mutaqaddimin ke atas hadith-hadith dengan pelbagai maksud. Antaranya hadith yang diterima (maqbul) secara umumnya, sama ada ia Sahih dari jenis yang tinggi atau Hasan sebagaimana penggunaan al-Mutaakhkhirin, dan juga digunakan istilah Hasan ini dengan maksud hadith-hadith yang Dha`if, Gharib, Munkar dan bahkan Palsu. Berbeza dengan penggunaan al-Mutaakhkhirin ia adalah untuk hadith-hadith yang rendah sedikit dhabit perawinya, pertengahan antara Sahih dan Dha`if.

78- **Tahzir Imam Ahmad kepada hadith Gharib :** Berkata Imam Ahmad bin Hanbal: شر الحديث: الغرائب التي لا يُعملُ بها ولا يُعتمدُ عليها

"Seburuk-buruk hadith ialah hadith-hadith Gharib yang tidak diamalkan dan tidak berpegang dengannya" [Rujuk: Syarh Lughotul Muhaddith, Thariq Iwadullah, hal. 322]. Dan berkata Imam Ahmad bin Hanbal lagi: لا تكتبوا هذه الأحاديث الغرائب فإنّها مناكير، وعامّتها عن الضعفاء

"Janganlah kamu semua menulis hadith-hadith yang gharib, kerana

ia adalah hadith-hadith yang munkar dan secara umumnya adalah daripada mereka-mereka yang dha`if" [rujuk: Tadrib Al-Rawi, Al-Suyuthi, 2/182].

79- **Hadith larangan menzahirkan pertunangan :** Hadis ini adalah dha`if. Terdapat dua lafaz popular: أسروا الخطبة وأَعْلِنُوا النِّكَاحَ "Sembunyikan pertunangan dan iklankan perkahwinan" dan " أظهروا النكاح وأخفوا الخطبة "Zahirkan perkahwinan dan sembunyikan/rahsiakan pertunangan". Hadith ini dikeluarkan oleh al-Dailami dalam Musnad Al-Firdaus. Hadith ini dha`if. Ia dha`if kerana perawi bernama Umm `Alqamah adalah Majhul al-Hal. [rujuk: Silsilah al-Dha`ifah wa al-Maudhu`ah, Syaikh Al-Albani, no. 2494]. Maka yang rajih dan benar - bagi saya, Allahu a`lam adalah menzahirkan pertunangan (iaitu tidak merahsiakannya) supaya tidak berlaku pinangan atas pinangan yang jelas dilarang dalam hadith yang sahih.

80- **`An`anah Mudallis di sisi Mutaqaddimin :** Berkata Dr. Khalid al-Durayyis: "Mazhab keseluruhan daripada kalangan a'immah nuqqad hadith al-Mutaqaddimin ialah sesungguhnya asal periwayatan `an`anah seorang perawi yang mudallis (apabila dia berada dalam tabaqat ke-2 atau ke-3 Ibn Hajar – iaitu para mudallis yang thiqat -) asal hadithnya dikira bersambung hinggalah datang bukti yang membuktikan sebaliknya (iaitu hingga terbukti dia melakukan tadlis, sekalipun dengan sighah tahdis)" [rujuk: al-Hadith al-Hasan Li Zatih wa Li Ghairih, hal. 429].

81- **Istilah Hasan :** Ketahuilah bahawa istilah 'hasan' adalah satu istilah yang amat susah untuk difahami mekanisma umumnya dan amat susah untuk dibuat formula umum oleh ahli istilah, tidak seperti istilah 'sahih' yang dengan mudahnya dibuat formula mempunyai 5 syarat. Sehingga berkata Imam al-Zahabi dalam kitabnya al-Muqizoh: "Tiada satu kaedah - formula - yang satu yang dapat menghimpunkan kesemua hadith-hadith hasan di dalamnya".

82 - **Syarat hadith Sahih :** Secara umumnya syarat hadith sahih itu ada lima iaitu: 1) perawinya adil 2) dan dhabit 3) sanad muttasil 4) tidak syaz 5) tiada `illah.

83- **Tadlis perawi Thiqah :** Ketahuilah bahawa perawi thiqah yang mudallis itu, hadith-hadithnya pada asalnya adalah diterima, sehinggalah datang qarinah yang menunjukkan bahawa dia terbukti melakukan tadlis untuk hadith itu. Para huffaz Salaf tidak pernah menolak periwayatan perawi yang mudallis hanya kerana `an`anah.

84- **Periwayatan perawi yang Majhul :** Ketahuilah bahawa perawi yang majhul, pada asalnya hadithnya tertolak. Namun terdapat beberapa kondisi di mana perawi majhul yang masih dipertimbangkan untuk diterima hadithnya. Antaranya apabila majhul itu datang daripada kibar al-tabi`in yang majhul atau tabi in pertengahan yang majhul, atau ia diriwayatkan daripada perawi wanita yang majhul, dan matan hadith itu pula dipastikan matan hadith itu mustaqim, tiada rakakah (kecacatan) pada lafaz, serta tidak menyalahi usul. Apatah lagi apabila hadith itu diambil oleh para huffaz yang dikenali hanya mengambil daripada mereka-mereka yang thiqah seperti Yahya al-Qattan, Abdulrahman ibn Mahdi, Syu`bah. Bahkan berkata guru kami - Syaikhuna al-Muhaddith Abu Muhammad Shihatah al-Alfy al-Sakandary, Imam al-Zahabi menyebut dalam kitabnya Diwan al-Dhu`afa' bahawa perawi yang majhul dari kalangan kibar al-tabi`in dan pertengahan diterima hadith mereka apabila matan hadith itu tiada rakakah, tidak menyalahi usul.

85- **Amalan-amalan ketika Iktikaf :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr.`Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi: "(Dianjurkan) seseorang yang beriktikaf itu melakukan amalan seperti mengingat Allah dengan berzikir, atau dengan melakukan amal ibadah (khusus seperti solat qiam), atau amal-amal ketaatan (amal-amal lainnya), atau mengajarkan ilmu yang bermanfaat, dan tiadalah bagi orang yang beriktikaf itu mengauli isterinya" [rujuk: al-Mujaz Fi Sifati Solatin Nabi wa Siyamihi wa Qiyamihi wa

I`tikafihi, al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi, halaman 19, Dar al-Manhaj, Arab Saudi, 1432H/2011M].

86- **Hukum Iktikaf dan Tempohnya :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi: "Iktikaf itu adalah sunnah secara ijma`. Boleh beriktikaf pada bulan Ramadhan sama ada pada awalnya, atau pertengahannya atau akhirnya. Yang afdhal (yang lebih utama) adalah pada akhirnya Ramadhan, dan tiada had masa maksima untuk beriktikaf secara sepakat (kesepakatan ulama), manakala seminima iktikaf adalah selama 1 jam" [rujuk: al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi, al-Mujaz Fi Sifati Solatin Nabi wa Siyamihi wa Qiyamihi wa I`tikafihi, halaman 19, Dar al-Manhaj, 1432H/2011M].

87 - **Waktu bermulanya Iktikaf untuk 10 akhir Ramadhan :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi: "… Dan (bermulanya) masuk iktikaf bagi orang yang beriktikaf (untuk 10 malam akhir Ramadhan) itu sebelum terbenam matahari pada malam 21 Ramadhan (iaitu pada 20 Ramadhan, malam 21 Ramadhan), dan keluar selepas terbenamnya matahari pada malam `Eid (iaitu pada 30 Ramadhan, malam 1 Syawal).." [rujuk : al-Mujaz Fi Sifati Solatin Nabi wa Siyamihi wa Qiyamihi wa I`tikafihi, al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi, halaman 19, Dar al-Manhaj, Arab Saudi, 1432H/2011M]

88 - **Isnadnya Hasan di sisi al-Daraquthni :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi dalam kuliah Syarah al-Muharrar berkenaan maksud istilah "isnadnya hasan" di sisi Imam al-Daraquthni dalam Sunannya. Berkata al-Tharifi: قول الدارقطني في سننه : إسناده حسن ، لا يعني به الاصطلاح المعروف ؛ بل يقصد التفرد والغرابة ، ولذلك أمثلة كثيرة تتضح لمن اطلع على سننه

"Kata-kata al-Daraquthni dalam kitab Sunannya dengan "isnadnya hasan", bukanlah memberi maksud sebagaimana yang diketahui dan difahami istilah yang masyhur (dalam kitab-kitab mustolah moden), bahkan ia bermaksud al-Tafarrud dan al-Gharabah, dan

padanya contoh-contoh yang banyak yang menjelaskan hal ini bagi mereka yang biasa mengkaji sunannya".

89- **Muharramat pada bulan Ramadhan :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi: التساهل بالمحرمات في رمضان، مما ينقص الأجر، وربما أزال ثواب الصيام, يُروى عن أنس والنخعي أن الغيبة تُفطر الصائم .. أي : تُذهب أجره حتى كأنه مفطر "Bermudah-mudah dalam perkara yang dilarang (dosa) pada bulan ramadhan, ia mengurangkan pahala puasa, seakan-akan hilang (terbuang) pahala puasa. Diriwayatkan dari Anas dan al-Nakha`i sesungguhnya ghibah membatalkan puasa, iaitu maksudnya pahala itu pergi (hilang) umpama seseorang itu berbuka".

90- **Zikir khusus setelah Solat Sunat Witir :** Berkata Fadhilah al-Syaikh al-Muhaddith al-Syab Dr. `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi: السنة أن يقول المرء بعد الوتر:(سبحان الملك القدوس) ثلاثاً،يجهر بها ويرفع صوته أكثر في الثالثة،أما الاستغفار والتهليل بعد الوتر فلا يُعرف في السنة "Sunnah untuk seseorang itu setelah selesai solat witir berzikir: (Subhanal Malikil Quddus) sebanyak tiga kali, dengan suara yang jahr dan mengangkat lebih kuat sedikit suara pada kali ketiga. Adapun istighfar dan tahlil selepas solat witir maka ia tidak diketahui dalam sunnah".

91- **Apabila berlaku khilaf dalam penilaian hadith antara Mutaqaddimin & Mutaakhkhirin :** Berkata Syaikh Soleh ibn al-Uthaimin: وإنني أقول إنه لو تعارض عندنا حديث صححه بعض المتأخرين وضعفه السابقون أو العكس صححه السابقون وضعفه المتأخرون فلا شك أن ثقتنا بعلم السابقين أكبر من ثقتنا بعلم اللاحقين...لاسيما إذا كان مصدر البحث واحد لأن السابقين أخلص وأنصح من اللاحقين ولا شك أنهم أقرب إلى معرفة الرواة لأن الرواة كلهم في الزمن الأول فهم لما كانوا أقرب إلى (زمنهم) كانوا أقرب إلى معرفة أحوالهم "Dan aku katakan, jika kita lihat berlakunya perselisihan penilaian hadith yang mana ia disahihkan oleh sesetengah al-Mutaakhkhirin dan didha`ifkan oleh Yang Terdahulu (iaitu para huffaz Salaf, Mutaqaddimin) atau sebaliknya disahihkan oleh Yang Terdahulu

(iaitu para huffaz Salaf, Mutaqaddimin) dan didha`ifkan oleh al-Mutaakhkhirin, maka tidak syak (tidak ragu) lagi bahawa kepercayaan kita kepada keilmuan mereka Yang Terdahulu (iaitu para huffaz Salaf, Mutaqaddimin) lebih kuat daripada kepercayaan kita kepada mereka Yang Mengikuti mereka (iaitu yang terkemudian, Mutaakhkhirin), apatah lagi apabila sumber perbincangan dan kajiannya adalah satu kerana mereka Yang Terdahulu (iaitu para huffaz Salaf, Mutaqaddimin) lebih ikhlas (bersih jiwanya) dan lebih jitu dan baik nasihatnya daripada mereka Yang Mengikuti (iaitu yang terkemudian, Mutaakhkhirin), dan tidak syak (tidak ragu) lagi bahawa mereka (Yang Terdahulu, Mutaqaddimin) lebih dekat kepada mengenal periwayatan kerana periwayatan kesemuanya adalah pada zaman awal, zaman mereka. Apabila mereka lebih dekat kepada zaman mereka (periwayatan) maka mereka lebih dekat dalam mengenal hal-hal yang berkaitan mereka (periwayatan dan penilaian hadith)".
[rujuk rakaman audio fatwa al-Uthaimin dalam laman Islamtoday di sini: http://islamway.com/?Islamway&iw_s=Fatawa&iw_a=view&fatwa_id=115].

Sekian, moga bermanfaat walau dengan manfaat yang sedikit insyaAllah.

وقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :كَلِمَتَانِ حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ خَفِيفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

Bersabda Nabi SAW : Dua kalimah yang ringan di mulut, tetapi berat di timbangan, serta disukai oleh Allah Yang Maha Pengasih iaitu: *SubhanalLahi wa Bihamdih* dan *SubhanalLahil `Azhim*

Abu Ismaaeel Muhammad Fathi `Ali al-Tabib al-Sakandary
19 Ogos 2011 / 19 Ramadhan 1432H
Iskandariah, Mesir